

## BAITULMAL MANAGEMENT DURING THE TIME OF RASULULLAH SAW AND THE RULING OF KHULAFĀ AR-RASHIDIN

### PENGURUSAN BAITULMAL PADA ZAMAN RASULULLAH SAW DAN PEMERINTAHAN KHULAFĀ AR-RASHIDIN

Muhammad Assyifaa Ulhayat Jahidin<sup>1</sup>, Mohamad Hilmi Mat Said<sup>2</sup> & Mohd Saifuddin Abdul Karim<sup>3</sup>

<sup>1&3</sup> Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

<sup>2</sup> Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang

#### Abstract

*This study discusses the management of Baitulmal in the Time of Rasulullah SAW and Khulafā ar-Rashidin. The change in the management of the Baitulmal at that time was seen to be different according to the current situation. It is translated into various measures taken based on current developments to strengthen the country's financial management. By strengthening the institution of Baitulmal, various problems that arise due to misunderstanding of the community and also the management cause the function of Baitulmal to be stagnant and not proactive in solving the problems of the ummah. Such things cause researchers to try to delve into how the actual practice of Baitulmal in the time of the Prophet and his companions. This coincides with the objective of this study which aims to identify the differences in the implementation of Baitulmal in the time of Rasulullah SAW. and the companions and the extent to which management impacted Muslims at the time. This qualitative study uses a historical study design. Data is obtained through written documents such as books, articles, journals and working papers. The data were compiled and analyzed descriptively. This study found that the management of Baitulmal went through several different phases of development due to the expansion of the territory of the Islamic country which also increased financial resources. It is also hoped that this study will be able to increase the understanding of the community and related institutions in improving the management of the existing Baitulmal.*

**Keywords:** Baitulmal, Time of the Prophet SAW. , Khulafā Ar-Rashidin.

#### Abstrak

Kajian ini membincangkan tentang pengurusan Baitulmal pada Zaman Rasulullah SAW dan Khulafā ar-Rashidin. Perubahan pengurusan Baitulmal pada zaman tersebut dilihat berbeza mengikut situasi semasa. Ia diterjemahkan dengan pelbagai langkah diambil berdasarkan perkembangan semasa bagi memantapkan pengurusan kewangan negara. Dengan memperkuuhkan institusi Baitulmal, pelbagai masalah yang timbul akibat ketidakfahaman masyarakat dan juga pihak pengurusan menyebabkan fungsi Baitulmal itu

#### Penulis Utama:

Muhammad Assyifaa  
Ulhayat Jahidin

Jabatan Syariah

Fakulti Pengajian Islam

Kolej Universiti Islam  
Pahang Sultan Ahmad  
Shah

#### E-mel:

assyifaa@kuipsas.edu.my

menjadi jumud dan tidak proaktif dalam menyelesaikan masalah ummah. Perkara sebegini menyebabkan pengkaji cuba menyelongkar bagaimana pengamalan sebenar Baitulmal pada zaman Rasulullah dan para sahabat. Ini bertepatan dengan objektif kajian ini yang bertujuan untuk mengenalpasti perbezaan perlaksanaan Baitulmal pada zaman Rasulullah SAW. dan para sahabat dan sejauhmana pengurusan memberi impak kepada umat Islam ketika itu. Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian pencejarahan. Data-data diperoleh melalui dokumen bertulis seperti buku, artikel, jurnal dan kertas kerja. Data-data disusun dan dianalisis secara deskriptif. Kajian ini mendapati pengurusan Baitulmal melalui beberapa fasa perkembangan yang berbeza disebabkan perluasan wilayah negara Islam yang turut meningkatkan sumber kewangan. Kajian ini juga diharap mampu meningkat kefahaman masyarakat dan institusi yang berkaitan dalam menambahbaik pengurusan Baitulmal sedia ada.

*Kata kunci : Baitulmal, Zaman Rasulullah SAW., Khulafa Ar-Rashidin.*

## PENGENALAN

Baitulmal merupakan institusi yang sinonim dengan organisasi kewangan Islam. konteks kewangan Islam, Baitulmal juga lebih dikenali dengan tepatnya sebagai perbendaharaan negara (Abdul Rahman, 2003).

Baitulmal mengandungi tiga konsep iaitu *al-mal*, amanah dan keadilan sosial yang menggambarkan wujudnya material dan spiritual dalam Baitulmal. Pengertian *al-mal* iaitu *al-mal al-zahir* ialah harta luaran hasil dari permukaan bumi, laut yang amat luas yang berdasarkan kepada iman dan taqwa dengan penuh yakin bahawa hanya Allah s.w.t. sahajalah penciptanya (Farihal Osman, 2009).

Umumnya penulis meletakkan Baitulmal ini sebagai satu institusi yang menjadi pusat kepada pengumpulan hasil negara atau stor harta buat negara. Jika dilihat, fungsi Baitulmal saling tak tumpah dengan peranan yang dimainkan oleh kementerian kewangan atau perbendaharaan negara pada zaman ini. Islam sentiasa terkehadapan berbanding zaman apabila sentiasa telus dalam setiap transaksinya. Pembahagian dalam pentadbiran jelas kelihatan apabila diwujudkan Baitulmal ini. Saiz, kapasiti dan peranan Baitulmal akan sentiasa berubah selaras dengan perubahan dan kesesuaian mengikut zaman. Kita boleh lihat dalam sejarah penubuhan Baitulmal yang akan penulis bincangkan.

Baitulmal juga adalah tempat bagi merekodkan pembahagian dan pengumpulan harta. Ia juga digambarkan sebagai perbendaharaan negara yang menerima, mengurus dan menyelaraskan pelbagai sumber kewangan dan harta secara terkumpul oleh negara Islam seperti zakat, harta wakaf, kebajikan, khairat, cukai dan lain-lain (Mahamad Tayib, 2009).

Baitulmal yang akan menjadi kajian penulis adalah Baitulmal di zaman Rasulullah SAW. dan zaman Khulafa ar-Rashidin. Pada penilaian penulis berdasarkan sejarah pengasasan Baitulmal sehingga Baitulmal ditubuhkan secara rasmi, maka ada beberapa perbezaan dalam pengurusan seperti perbezaan berdasarkan asas penubuhan, penstrukturran semasa institusi, perbelanjaan dan penggunaan Baitulmal dan pengaruh terhadao institusi Baitulmal apabila berlakunya perluasan wilayah Islam.

Menurut (Hailani Muji Tahir, 2007), Baitulmal tidak begitu menonjol pada awal kemunculannya. Ianya kerana perkembangan Islam yang terbatas ditambah sumber hasil pendapatan negara yang masih sedikit sumbernya.

Secara dasarnya, Baitulmal merupakan institusi harta dan perbendaharaan dalam negara Islam dan ianya bersumberkan pelbagai jenis harta. Semua harta ini akan dipusatkan pengumpulannya dan akan digunakan untuk tujuan kebaikan dan kepentingan kepada masyarakat dan negara kerana secara dasarnya ia saling merangkumi antara satu dengan yang lain (Hailani Muji Tahir, 2007)

Antara peranan Baitulmal adalah sebagai sebuah institusi kewangan yang berfungsi untuk menyelenggarakan segala jenis harta umum dan sebagai tempat penyimpanan barang-barang berharga seperti wang emas atau perak. Dalam erti kata yang lain, ianya berperanan sebagai pusat penyimpanan dan pelaburan harta umat Islam.

Secara dasarnya, Baitulmal diasaskan pada zaman Rasulullah SAW. Walaupun begitu, ia mula diperkembangkan dan ditubuhkan secara rasminya pada zaman Khalifah Umar ibn Khattab. Baitulmal semakin berkembang pesat di zaman khalifah dan pemerintah yang berikutnya tetapi, kerana kelemahan masyarakat Islam yang berlaku disebabkan oleh ancaman dan penularan fahaman yang bercanggahan dengan syariat Islam seperti sekularisme, maka peranan Baitulmal semakin lemah dan mengecil (Zakariah Abdul Rashid, 2003).

Baitulmal ditubuhkan atas satu konsep amanah dalam pengurusan kewangan. Hasil di dalam Baitulmal dianggap sebagai harta Allah S.W.T. dan umat Islam. Ianya bukanlah dimiliki oleh pemerintah atau milik kerajaan. Ianya bermaksud, kerajaan atau badan yang memerintah, hanyalah pemegang amanah sahaja yang mempunyai kewajipan membelanjakannya bagi tujuan dan faedah kepada kebaikan umat Islam sahaja serta tidak dibolehkan bagi tujuan kepentingan peribadi selain dari gaji dan elaun yang selayaknya (Abdullah Alwi, 2003).

## SUMBER BAITULMAL

Baitulmal dan konsep negara Islam tidak boleh dipisahkan. Dalam al-Quran, tiada perkataan yang jelas berkaitan dengan Baitulmal. Namun, sumber aliran dana dalam Baitulmal dinyatakan dengan amat jelas satu persatu didalam al-Quran. Hal ini dikuatkan lagi dengan hadis dari Rasulullah SAW. yang kerap menyebut tentang institusi ini (Zamzuri Mohd Salleh, 2005).

Secara umumnya, penulis boleh takrifkan, setiap hasil yang datang kepada negara boleh dikatakan adalah sumber harta bagi Baitulmal. Pekara yang boleh menjadi sedikit perbicangan adalah kawalan kepada penggunaan sumber-sumber harta tertentu. Hal ini kerana, dalam sesetengah sumber harta, sudah ada ditentukan golongan penerimanya. Dengan perluasan wilayah kuasa yang semakin luas, perkembangan Islam yang semakin menjelajah banyak negara lain, maka terdapat banyak sumber-sumber pendapatan yang akan dihantar kepada Baitulmal dan ianya datang dengan jumlah yang besar.. walaubagaimanapun, akan timbul beberapa masalah baru yang menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menyelesaikannya.

Menurut Hailani Muji Tahir (2007), punca harta yang menjadi sumber hasil pendapatan Baitulmal pada dasarnya terdiri daripada dua bentuk, iaitu harta khas dan harta am. Harta khas ditakrifkan sebagai segala jenis harta yang terdiri daripada zakat termasuklah zakat fitrah yang ditetapkan bentuk dan pengunaannya oleh syarak sebagai asas kepada infrastruktur pembangunan. Manakala harta am pula meliputi bentuk harta seperti berikut:

- i. apa juia harta yang bukan menjadi hak milik individu. Ini bermakna segala sumber kekayaan alam dalam negara Islam yang belum diserahkan penggunaanya kepada rakyat, secara individu atau kolektif adalah menjadi milik Baitulmal dan khalifah atau pemimpin berkuasa menentukan sama ada sumber harta itu perlu dikendalikan oleh pemerintah atau diserahkan kepada rakyat dan hasilnya dikenakan *kharaj* atau cukai.

- ii. apa juga bentuk harta yang secara umumnya menjadi milik masyarakat Islam yang tidak dijelaskan penggunaannya oleh syarak atau dijelaskan secara khusus oleh tuan punya harta seperti harta wakaf, *kifarat, nadhar*, wasiat dan sebagainya.
- iii. apa juga bentuk harta yang didapat daripada hasil perolehan perang, baik dalam bentuk harta tidak alih (*immovable*) seperti tanah dan bangunan atau bentuk harta alih (*movable*) seperti alat peperangan dan tawanan perang. Cukai perlindungan (*suh al-jizyah*) dan cukai diri (*jizyah al-ru'us*) juga termasuk dalam kumpulan ini.
- iv. lain-lain bentuk harta seperti harta pewarisan sama ada tinggalan orang mati tiada berwaris atau ada waris, tetapi tidak dihabiskan oleh ahli-ahli waris (*ahl al-furud*, harta *luqatah* iaitu harta cicir yang tidak diketahui tuannya, semuanya adalah termasuk dalam kumpulan ini.

Keadaan ini berubah hampir sepenuhnya, bila tiba zaman pemerintahan Khalifah Umar Al-Khattab. Beliau telah menubuhkan Baitulmal secara bersistematik. Zaman ini boleh dikatakan sebagai zaman transformasi atau pemangkin kepada kebangkitan Baitulmal yang mana ianya merubah Baitulmal kearah lebih mapan dan bersistem serta memainkan peranannya dengan lebih besar. Hal ini kerana peningkatan sumber utama kewangan negara tentunya daripada kutipan zakat atau *usyr, kharaj, jizyah, fai, ghanimah* dan harta pusaka tanpa waris (Zamzuri Mohd Salleh, 2005).

## PENGURUSAN PERBELANJAAN BAITULMAL

### Zaman Rasulullah SAW.

Penubuhan Baitulmal merupakan satu konsep amanah dalam pengurusan kewangan awam Islam. Kekayaan yang tersimpan dalam Baitulmal semestinya dianggap dan diperlakukan sebagai harta Allah atau harta umat Islam, bukan harta perbendaharaan bagi sesuatu kerajaan serta tidak boleh digunakan bagi tujuan peribadi (Hasanuz Zaman, 1981).

Baitulmal pada awal sejarah kerajaan Islam, tidak begitu menonjol kepentingannya kerana perkembangan Islam ketika itu agak terbatas. Ianya juga adalah kerana sumber pendapatan negara tidaklah begitu banyak dan rumit pengurusannya (Muhammad Diauddin, 1957).

Menurut Irfan Mahmud (1977), hadis di atas menunjukkan bahawa Rasulullah SAW menjadikan masjid itu sebagai perbendaharaan negara yang mana ianya menguruskan pengagihan cukai yang dikutip. Pada zaman ini juga, perbendaharaan telah dipisahkan daripada eksekutif yang mana baginda telah melantik dua pegawai berasingan iaitu gabenor dan pemungut zakat di setiap wilayah taklukan Islam. Hal ini menunjukkan adanya pengasingan kuasa bila mana pemungut ini adalah bebas daripada eksekutif dan bertanggungjawab secara langsung kepada pentadbiran pusat di Madinah.

Menurut Hasanuz Zaman (1981), pentadbiran kewangan pada zaman Rasulullah SAW yang berasaskan kepada piagam Madinah yang mana ianya diletakkan di atas tanggungjawab kepada setiap masyarakat atau suku kaum mereka sendiri pada masa yang aman. Akan tetapi, disebabkan keengganan orang-orang Yahudi mematuhi piagam ini, maka pemerintahan Islam mengurus tadbir kewangan sendiri.

Pada umumnya, dasar belanjawan ketika itu berada dalam keadaan yang seimbang. Hal ini bermaksud, tiada lebihan ataupun kurangan dalam merangka belanjawan negara. Ini juga membawa makna, pengurusan Baitulmal ketika itu tidaklah menjadi kerumitan yang besar dan berada di tahap sederhana (Tabatabai Muhammad, 1317H). Zamzuri Mohd Salleh (2005) merumuskan Baitulmal di zaman Rasulullah SAW. dibelanjakan melalui metode yang paling bijaksana seperti berikut:

- i. Hasil cukai *jizyah* daripada Bani Nadhir diperuntukkan untuk perbelanjaan sendiri dan bakinya untuk kecemasan, peruntukan tertentu, pemeliharaan kuda serta persenjataan.
- ii. Hasil pertanian dari *fadak* dibelanjakan untuk orang perantauan yang tidak mempunyai wang. Hasil daripada khaibar pula diperuntukkan untuk orang Islam dan keluarga Baginda SAW. Manakala baki daripada kedua-dua hasil ini dibelanjakan untuk para Muhajirin miskin.
- iii. Harta *fai* dibelanjakan bagi kepentingan agama, diri Rasulullah SAW. serta keluarganya, anak-anak yatim, golongan miskin serta pengembara dalam kesusahan.
- iv. Harta tebusan dibelanjakan untuk membeli senjata.
- v. Harta simpanan dalam perpendaharaan juga digunakan untuk membayar gaji kakitangan kerajaan dalam pentadbiran awam tetapi tidak kepada semua kerana ada yang berkerja secara sukarela.
- vi. Membayar *diyat* (wang ganti nyawa) kepada keluarga mereka yang dibunuh secara tidak sengaja oleh tentera Islam.
- vii. Delegasi-delegasi yang melawat kota Madinah diberi hadiah daripada wang Baitulmal. Mereka yang memeluk Islam dan orang kenamaan diberi sumbangan tertentu.
- viii. Sumbangan juga bagi mereka yang tertarik hatinya dengan Islam (pemelukan Islam oleh masyarakat yang bukan Islam sebelumnya).
- ix. Setelah kedudukan perpendaharaan negara kukuh, Baginda SAW. mengambil inisiatif membayar hutang-hutang fakir miskin yang belum terbayar.
- x. Digunakan bagi membebaskan hamba seperti wang yang digunakan untuk membebaskan Salman Al-Farisi.
- xi. Harta *khumus* digunakan untuk membayar mas kahwin seperti Rasulullah SAW. membayar mas kahwin keluarganya dari Baitulmal.

### **Baitulmal Zaman Khulafa' ar-rashidin**

#### **a. Zaman Khalifah Abu Bakar al-Siddiq r.a.**

Pada zaman Khalifah Abu Bakar al-Siddiq r.a., penggunaan istilah Baitulmal belum lagi digunakan secara sistematik. Umumnya masyarakat dan pemerintah ketika itu masih menggunakan kaedah yang sama sebagaimana apa yang telah dipraktikkan oleh Rasulullah SAW. sebelumnya. Khalifah Abu Bakar r.a. memusatkan di sebuah bangunan dan dibelanjakan segera untuk tujuan kebajikan sosial umat Islam (Zamzuri Mohd Salleh, 2005).

Perperangan memerangi golongan yang enggan membayar zakat antara sebab Baitulmal pada zaman beliau tidak mempunyai perubahan yang agak ketara dalam pengurusannya. Khalifah Abu Bakar juga telah meneruskan pengurusan Baitulmal sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW. yang mana Rasulullah SAW. menggunakan institusi ini sebagai tempat simpanan lebihan zakat yang tidak teragih dan dijadikannya sebagai harta negara sesuai dengan makna kata namanya “rumah harta” yang berfungsi mengurus dana negara (Nik Musthapa, 2003).

Malahan, penggunaan istilah Baitulmal masih lagi tidak digunakan pada zaman Khalifah Abu Bakar. Dalam pengurusannya, beliau menempatkan Baitulmal di sebuah bangunan yang khusus dan segera dibelanjakan bagi tujuan kebajikan sosial umat Islam. Perperangan memerangi golongan *al-riddah* antara lainnya mendatangkan kesan kepada jumlah pendapatan Baitulmal yang merosot dan tidak mampu dikembangkan. Secara umumnya, beliau telah meneruskan pengurusan Baitulmal seperti yang dilakukan oleh Rasulullah SAW. Saidina Abu Bakar r.a. menggunakan institusi ini sebagai penyimpan lebihan zakat yang tidak teragih dan

dijadikannya sebagai harta negara sesuai dengan makna kata namanya sebagai rumah harta yang berfungsi untuk menguruskan dana negara (Nik Musthafa, 2003).

Tiada laporan jelas mengenai pendapatan negara pada masa pemerintah Khalifah Abu Bakar selain daripada pungutan dari jumlah tertentu dalam percuakan harta rampasan perang di Iraq dan Syria. Promosi untuk sebarang bentuk sumbangan dan derma secara sukarela tidak dilakukan. Perbendaharaan juga diletakkan di bawah pentadbiran *Amir al-Kharaj* yang juga merupakan ketua pengurus kewangan ketika itu. Antara pendapatan Baitulmal ketika ini ialah hasil pungutan zakat harta dan fitrah, *jizyah*, *khums*, dan percuakan tanah (Abdullah Alwi, 2003).

### **b. Zaman Khalifah Umar al-Khattab r.a.**

Baitulmal telah ditubuhkan secara secara sistematis pada zaman pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab r.a. Pada zaman beliau, umat Islam telah menakluki Iraq, Iran, Syria dan Mesir. Hal ini menyebabkan hasil pendapatan bagi Baitulmal meningkat dengan tinggi. Ianya memerlukan sistem pentadbiran yang baik dan cekap bagi menguruskan hasil dalam Baitulmal ini. Faktor-faktor inilah yang menyebabkan kenapa perlunya Baitulmal yang sistematik dan cekap (Abdullah Alwi, 2003).

Sebagaimana yang penulis sebutkan diawal penulisan, peningkatan pengurusan yang berlaku terhadap Baitulmal adalah kerana keperluan yang mendorong ketika itu. Sejarah membuktikan, pada zaman beliau, wilayah pemerintahan negara Islam semakin luas. Kesannya bukan hanya pada kuasa semata-mata, tetapi ianya datang bersama tanggungjawab untuk mentadbir wilayah baharu tersebut. Dengan hasil yang banyak, wilayah kuasa yang luas, rakyat yang semakin ramai, maka ianya didorong untuk melakukan perubahan pada institusi Baitulmal ketika ini. Perubahan ini seharusnya tidak dijadikan sebagai perbandingan untuk memperkecilkan atau meniliti zaman pemerintahan manakah yang lebih hebat. Hal ini kerana Baitulmal ini adalah hasil dari legasi pemerintahan sebelumnya. Proses tambah baik sesuai dengan keadaan semasa akan sentiasa dijalankan. Hal ini juga sesuai dengan kehendak masyarakat dan pengurusan kerajaan pada zaman tersebut.

Khalid Ibn al-Walid mencadangkan kepada Saidina Umar supaya ditubuhkan jabatan (*diwan*) untuk menjaga kepentingan harta tersebut dan penggunaannya (Mawardi, 1966). Saidina Umar r.a. bersetuju dan meminta Aqil Ibn Abi Talib, Makhramah Ibn Naufal dan Jabair Ibn Mut'im mengendalikan urusan *diwan* yang juga dikenali sebagai Baitulmal. (Tabari, T.th).

Saidina Umar memutuskan untuk menjadikan Kota Madinah sebagai pusat pentadbiran Baitulmal dan ditubuhkan pula cawangan Baitulmal pada setiap wilayah lain yang di bawah jajahannya bagi tujuan penyelarasan yang mana, untuk setiap cawangan dilantik pegawai khazanah yang bertugas di bawah arahan pusat (Baladhri, 1901).

Pekara ini menunjukkan kredibiliti Saidina Umar yang secara jelas telah meletakkan asas pentadbiran dan pengurusan harta awam seiring dengan perkembangan sosiopolitik-ekonomi ketika zaman itu. Segala harta yang disitiharkan sebagai pemilikan awam dan negara digunakan untuk kebajikan masyarakat dan kepentingan negara. Hal ini juga menandakan permulaan era baru mengenai sejarah pembentukan Baitulmal secara rasmi bagi negara Islam (Baladhri, 1901).

Menurut (Musthafa Husni Assiba'i, 1981), hasil daripada penubuhan Baitulmal ini telah banyak membantu Saidina Umar dalam membangunkan negara. Kekayaan Baitulmal telah disalurkan bagi membangunkan infrastruktur mengikut perancangan kerajaan. Antaranya ialah:

- i. Membina terusan-terusan seperti Terusan Abi Musa bagi menyediakan bekalan air ke Basrah yang disalurkan dari Sungai Dajlah, Terusan Ma'qal bin Yasar dari

Sungai Dajlah, Terusan Sa'ad di Anbar, Terusan Amir al-Mu'min antara Sungai Nil dan Laut Merah.

- ii. Pembinaan jalanan jalanraya dan jambatan di seluruh negara.
- iii. Pembinaan institusi keagamaan termasuk beribu-ribu masjid di seluruh negara dan pembesaran Masjid al-Haram di Mekah dan Masjid al-Nabawi di Madinah.
- iv. Penempatan ketenteraan. Kem-kem tentera dibina di seluruh ibu kota wilayah serta kandang-kandang kuda yang boleh menempatkan sekitar 40,000 ekor kuda.
- v. Bangunan-bangunan awam, jabatan dan agensi kerajaan termasuk *Dar al-Imarah* (pejabat dan kediaman pegawai pemerintah, *Diwan* (pejabat menyimpan rekod), Baitulmal, penjara, rumah tumpangan serta kemudahan-kemudahan lain.
- vi. Bandar-bandar dan kota-kota baru antaranya Basrah, Kufah, Mosul di Iraq, Fustat dan Jazirah di Mesir.

**c. Zaman Khalifah Uthman Ibn Affan r.a.**

Secara umumnya, pengurusan Baitulmal tidak banyak perbezaan pada zaman ini. Terdapat hanya sedikit perbezaan yang mana ianya berkisarkan mengenai sumber Baitulmal itu sendiri. Antara perbezaan yang dilaksanakan pada zaman ini ialah:

- i. Pembahagian *Khums* dengan membahagikan kepada keluarga sendiri sebagai ganti keluarga Baginda Rasulullah SAW. (Katheer et al., 1978).
- ii. Zakat dipotong terus daripada wang pencen gaji (Ahmad, 1964).
- iii. Memberhentikan pengutipan zakat terhadap harta-harta kekayaan yang tidak jelas (Abu Bakr, 1328).
- iv. Mengagihkan zakat berbentuk makanan kepada masjid untuk diberikan kepada yang datang beribadah, golongan miskin dan pengembara (Muhammad b. Yahya, 1964).
- v. Membayar gaji kepada banduan untuk menggali kubur (Baladhri, 1901).
- vi. Menandatangani perjanjian dengan mensyaratkan raja-raja bukan Islam menanggung semua cukai *jizyah* (Baladhri, 1901).
- vii. Mengenakan *jizyah* kepada penduduk Afrika bukan ahli kitab (Hasanuz Zaman, 1981).
- viii. Membahagikan tanah *fai* milik bekas keluarga diraja Parsi kepada mereka yang beragama Islam (Ahmad, t.t.).
- ix. Membesarkan terusan Madinah (Syams al-Din, 1877).
- x. Membina pasar di Basrah (Syams al-Din, 1877).
- xi. Membesarkan masjid Nabi di Madinah (Hasanuz Zaman, 1981).
- xii. Mempelbagaikan usaha-usaha kebajikan sosial (Hasanuz Zaman, 1981).

**d. Zaman Khalifah Ali Ibn Abi Talib r.a.**

Antara cabaran terbesar yang dihadapi oleh Saidina Ali adalah krisis kewangan yang berlaku disebabkan tindakan Muawiyah di Syam keluar daripada penguasaan pemerintahan pusat. Hal ini seterusnya diburukkan lagi dengan keengganannya beberapa wilayah seperti *Fars* dan *Kirman* membayar cukai kepada kerajaan pusat (Syams al-Din, 1960)

Secara umumnya, pengurusan Baitulmal pada zaman ini berkisarkan kepada beberapa perubahan berikut:

- i. Menaikkan kadar pencen buat penduduk di Iraq (Al-Isfahani, tt).
- ii. Memindahkan pentadbiran Baitulmal pusat dari Madinah ke Kufah (J. Welhausen, 1963).

- iii. Mengasingkan status pemilikan tanah kepada tiga (3) bahagian iaitu pemilikan negara kepada tanah tidak bertuan, pemilikan bersama terhadap tanah yang ditakluki tanpa perjanjian dan tanah milik perseorangan terutamanya tanah yang dimiliki melaui perjanjian (Hasanuz Zaman, 1981).
- iv. Memperbaiki terusan-terusan yang rosak dengan mengarahkan pemantauan kerja baikpulih kepada Gabenornya (Ahmad, 1964).
- v. Membangun dan memajukan tanah terbiar (Ahmad, 1964).
- vi. Memperkenalkan mata wang berupa wang syiling Islam bagi tujuan memperkuuhkan kedudukan ekonomi negara menjadikan penilaian harga barang lebih stabil (Loius Cheiko, 1923).
- vii. Tegas dalam pemungutan hasil negara dengan cara menetapkan taraf sederhana untuk hidup secara mewah (Abu Muhammad, 1900).

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Pada zaman awal Islam, institusi Baitulmal memainkan peranan yang cukup penting dalam sistem pentadbiran kewangan sebuah negara Islam. Selain daripada berperanan mengumpul dan mengagihkan sumber dana negara, ia juga menjamin keperluan asas penduduknya seperti memastikan jaminan makanan yang mencukupi, pendidikan, pertahanan negara dan kesejahteraan masyarakat Islam seluruhnya. Walaubagaimanapun, peranannya semakin terpinggir dengan kehadiran pelbagai unsur asing dalam pentadbiran kewangan sesebuah negara.

Oleh yang demikian, memperkasakan Baitulmal merupakan satu agenda yang penting. Selaras dengan pembangunan pesat sektor kewangan Islam, Baitulmal seharusnya tidak ditinggalkan. Walaupun jika dirujuk sejarahnya, peranan yang dimainkan kini dalam ruang lingkup yang amat terhad, namun jika Baitulmal mampu ditadbir urus dengan baik dan proaktif, ianya mampu menjana ekonomi umat Islam seterusnya membantu menyokong negara dalam memajukan kewangan Islam secara komprehensif .

Baitulmal pada hari ini adalah berbeza dari segi tadbir urusnya dan kedudukannya jika dibandingkan dengan sejarah ketamadunan Islam. Penjajahan oleh Barat memisahkan kedudukan Baitulmal kepada negeri-negeri dan ianya membantutkan perkembangan Baitulmal itu sendiri. Secara umunya, penulis berpandangan, pemerkasaan Baitulmal turut terjejas yang disebabkan faktor dalaman maupun luaran institusi itu sendiri.

Penulis juga mencadangkan agar Baitulmal sewajarnya diinovasikan dan mengambil peranan yang lebih luas lagi dalam meningkatkan sosio ekonomi umat Islam.. Penambahbaikan terhadap pengurusan Baitulmal sewajarnya dibuat agar ia selari dengan keperluan masyarakat hari ini. Kita perlu lebih kreatif dan inovatif untuk memberi nafas baru kepada sistem penilaian sedia ada.

Akhir kata, penulis berpandangan usaha pemerkasaan Baitulmal perlulah berterusan dan memperolehi sokongan dan bantuan kerajaan supaya harta-harta orang Islam dapat ditadbir uruskan dengan efisyen.

## RUJUKAN

- Abdullah. (1900). *'Uyun al-Akhbar*. Berlin: T.p.t.
- Abdul Rashid. Z. (2003). *Baitulmal: Konsep Asal dan Amalan Masa Kini*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abi Ya'qub. A. (1964). *Tarikh*. Najaf: T.pt.
- Ahmad. (1877). *Ahsan al-Taqasim Fi Ma'rifat al-Aqali*. Leiden: T.p.t.
- Ahmad. (1960). *Al'Ibar Fi Khabar Man Ghaba*. Kuwait: T.pt.
- Ali al-Maqrizi. (t.t.). *Al-Mawa'iz wa I'tibaribi Dhikr al-Khitat wa'l Athar*. T: T.pt.
- Alwi. A. (2003). *Konsep dan Peranan Baitulmal Zaman Kegemilangan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Al-Isfahani. (tt). *Tarikh al-Iraq Fi Zil al-Hukum al-Umawi*. Kaherah: T, pt.
- Assib'i. M. H. (1981). *Kehidupan Sosial Menurut Islam dan Tuntutan Hidup Bermasyarakat*. (trj). Bandung: C.V.Diponegoro.
- Baladhri. (1901). *Futuh Al-Buldan*. Kaherah: Shirkah Tabai al-Kutub al-Arabiyyah.
- Bakr. A. (1328). *Bada'I al-Sana'i*. Kaherah: T.pt.
- Diauddin. M (1957). *Al-Kharaj Fi Al-Daulah al-Islamiyah*. Kaherah: Matba'ah al-Nahdah.
- Hasanuz Zaman S.M. (1981). *Economics Function of An Islamic State: The Early Experience*. Leicester: Islamic Foundation Series.
- Katheer, I., Abu, A. I., & Fidaa, A. H. (1978). *Al-Bidayah Wa Al-Nihayah*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmeyyah, 331.
- Ibn Tabatabai Muhammad Ibn Ali. (1317H). *Al-Fakhra Fi Al-Adab Al-Sultaniyah*. Kaherah: Tab'ah Kutub al-Islami.
- Jahshiari, Ibn Idrus. M. (1938). *Al-Wuzara' Wa Al-Kuttab*. Kaherah: Tab'ah al-Kuttab.
- Loius Cheiko al-Yasu'i. (1923). *Al-Nasraniyyah wa Adabuha bayna Arab al-Jahiliyyah*. Bierut: T.p.t.
- Mohd Salleh. Z. (2005). *Kecemerlangan Institusi Baitulmal Pada Zaman Pertengahan Islam*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM.
- Muji Tahir. H. (2007). *Institut Baitulmal Dalam Pembangunan Negara*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Hassan. N. M. (2003). *Kearah Pembangunan Baitulmal Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Osman. F. M. (2009). *Institusi Baitulmal Pusat Perbendaharaan Kewangan Islam*. Kuala Lumpur: JAWHAR.
- Tabari, Ibn Jarir. A. J. (T.th) *Tarikh Al-Umam Wa Al-Mulk*. Kaherah: Al-Matba'ah al-Salafiyyah.
- Tayib. M, Osman. F. (2009). *Penubuhan Pusat Perbendaharaan Islam Satu Keperluan Dalam Pembangunan Ekonomi Negara*. Kuala Lumpur : JAWHAR.
- Rahman. A. (2003). *Undang-Undang Syariah*. (trj). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Welhausen. J. (1963). *The Arab Kingdom and Its Fall*. Beirut: Margaret Graham Weir.
- Yahya. M. (1964). *Al-Tauhid wa al-Bayan Fi Maqtal al-Syahid Uthman*. Beirut: T.pt.